

## **BAB KEDUA:**

### **KATA KERJA BAHASA ARAB**

#### **2.0 Pendahuluan.**

Penulis akan menerangkan dalam bab ini makna KK mengikut pendapat ulama nahu, pembahagian KK dan mengkategorikannya kepada beberapa kategori. Bab ini akan menjadi landasan teori untuk penulis melakukan analisis kepada tahap penguasaan pelajar di dalam bab berikut iaitu bab ke-4 nanti. Paparan ini akan membantu penulis meneliti aspek-aspek utama dalam penggunaan KK bahasa Arab dan menjadikannya sebagai ukuran analisis.

#### **2.1 Ta rif Kata Kerja**

Dari sudut bahasa KK bermakna kata yang menyatakan sesuatu perbuatan ( Noresah Bt Baharom 2002: 584) . Mengikut Nik Safiah Karim, et al. (1997: 139 ) kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Para ahli nahu Arab pula menta'rifikannya sebagai apa yang menunjukkan peristiwa yang berlaku yang diikuti oleh salah satu dari tiga keadaan masa iaitu lepas, kini dan depan. ( Al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy 1998 : 14, Muhammad Muhyuddin Abd al Hamid 1989: 7, Abu Muhammad Abdullah Jamaluddin 2004: 44 )

Ta'rif lain ;apa-apa perbuatan yang dikaitkan dengan sesuatu KN ( rujukan berjisim atau abstrak ) serta berlaku pada masa dan di tempat tertentu. ( Mohd Rosdi Bin Ismail 2000 : 15 )

Menurut ( Fuad Ni'mat, 1973: 18 ), kata kerja ialah setiap perkataan yang menunjukkan kepada peristiwa yang berlaku pada waktu yang tertentu.

Untuk menjelaskan definisi kata kerja yang telah penulis kemukakan di atas, maka di sini penulis paparkan beberapa contoh kata kerja:

a) KK yang menunjukkan peristiwa yang berlaku yang diikuti oleh salah satu dari tiga keadaan masa iaitu lepas, kini dan depan:

Yang bermaksud: Pasukan universiti itu **telah bermain** dalam perlawanan yang hebat.

Perkataan merupakan kata kerja . Ia menerangkan permainan yang telah berlangsung pada masa lepas.

Maksudnya: Pelancong itu sedang bertanyakan alamat kepada polis

Perkataan merupakan kata kerja yang membawa maksud perbuatan **bertanya** yang **sedang** berlaku.

Maksudnya: Budak perempuan itu akan melawat neneknya pada hari Jumaat ini.

Perkataan merupakan kata kerja yang menerangkan **lawatan** itu **akan** berlaku pada hari Jumaat ini.

Contoh-contoh tersebut menunjukkan beberapa kaedah dan penelitian perlu dilakukan untuk membina ayat yang lengkap dan sempurna dari sudut nahu Arab.( Akan dijelaskan dalam bab selepas ini).

b) KK yang menunjukkan hubungannya dengan KN serta perubahan yang berlaku pada KK itu sendiri sama ada dari sudut:

i) Bilangan, contoh:

Perkataan berasal dari tetapi telah ditambah wau kerana KN sebelumnya adalah ramai.

ii) Imbuhan dan makna, contoh:

Perkataan asalnya ialah tetapi telah ditambah huruf yang menyebakan maknanya juga berubah dari tak transitif kepada transitif.

iii) Huruf illah, contoh:

Perkataan asalnya tetapi telah dibuang huruf illahnya kerana ayat ini ditujukan kepada seorang sahaja.

iv) Objeknya, contoh: dan

Perkataan memerlukan objek iaitu bagi melengkapkan maknanya berbeza dengan perkataan tidak memerlukan objek selepasnya.

Contoh-contoh di atas menggambarkan perubahan dan penambahan huruf serta makna perkataan itu sendiri akan memberi kesan kepada perkataan selepasnya dari sudut baris dan makna.

## 2.2 Pembahagian Kata Kerja

KK bahasa Arab boleh dibahagikan kepada beberapa kategori berdasarkan aspek berikut:

- i) Masa Dan Bilangan
- ii) Imbuhan Dan Makna

- iii) Huruf Illah
- iv) Objek
- v) Ja:mid dan Mutasarrif

### **2.2.1 Kategori Masa Dan Bilangan**

KK dalam Bahasa Arab melibatkan tiga keadaan masa. Ia mempunyai kaedah dan ciri-cirinya yang tersendiri. Dalam istilah nahu di panggil sebagai:

- i ) KK ma:di: ( lampau)
- ii ) KK muda:ri' ( kini dan akan datang )
- iii ) KK amr ( perintah )

**KK ma:di:** ialah KK yang menunjukkan peristiwa yang berlaku pada waktu sebelum seseorang itu bercakap. ( Al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy 1998 : 14, Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad al- Hamla:wiyy ( t.t ): 24 )

**Contoh :** \_\_\_\_\_

Maksudnya : *Ahmad telah menulis pelajaran itu .*

Perbuatan Ahmad menulis pelajaran itu dilakukan pada masa sebelum ucapan itu dilafazkan .

**KK muda:ri'** ialah KK yang menunjukkan peristiwa yang berlaku semasa ia dilafazkan atau selepas ia dilafazkan. (Ahmad al- Hamla:wiyy ( t.t ): 24 )

**Contoh :** \_\_\_\_\_

Maksudnya : *Muhammad sedang / akan membaca pelajaran itu .*

Perbuatan Muhammad membaca pelajaran itu di lakukan semasa ia dilafazkan atau selepas ia dilafazkan .

Namun begitu KK Muda:ri akan menunjukkan peristiwa semasa bila didahului dengan:

i) contoh

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu sembunyikan*

ii) contoh

Maksudnya: *Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang ( untuk mendedahkan kejahatan orang )*

iii) contoh

Maksudnya: *Tiada seorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok ( sama ada baik atau jahat )*

KK muda:ri menunjukkan makna 'akan' bila didahului dengan:

i) contoh

Maksudnya: *Omar akan pergi ke pasar*

ii) contoh

Maksudnya: *Aisyah akan pergi ke masjid*

iii) contoh

Maksudnya: *Kamu tidak sekali-kali akan mencapai ( hakikat ) kebajikan dan kebaktian*

( yang sempurna ) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang  
kamu sayangi

iv) contoh

Maksudnya: *Berpuasa itu lebih baik bagi kamu ( daripada memberi fidyah )*

v) contoh

Maksudnya: *Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu.*

**KK amr** pula ialah KK yang meminta sesuatu perkara itu dilakukan pada masa akan datang .( Ahmad al- Hamla:wiyy, t.t: 24, Muhammad Muhyiddin Abd al Hamid 1989: 7 )

**Contoh :**

Maksudnya : *Rajinlah dalam pekerjaan.*

Perbuatan rajin itu hendaklah dilaksanakan pada masa akan datang .

Dari sudut bilangan pula, KK dalam bahasa Arab akan berubah struktur baris akhirnya apabila hendak di rujuk kepada bilangan tertentu. Perubahan yang berlaku di antara jenis KK adalah tidak sama.

a) **KK Ma:di:**

i) KK ma:di akan **berbaris atas** apabila ia tidak di hubungkan dengan wau jama:at, ta' mutaharrikat, nun niswat atau 'na' yang menunjukkan pelaku ( fa'il) .

Contoh :

- ii) Apabila ia bersambung dengan ta' mutaharrikat atau nun niswat atau na yang menunjukkan pelaku ( fa'il ) baris akhirnya akan **sukun**.

Contoh :

\_\_\_\_\_ perkataan                                  berbaris mati ha' kerana bersambung  
dengan ta' mutaharrikat.

\_\_\_\_\_ perkataan                                  berbaris mati mim kerana  
bersambung dengan nun niswat.

\_\_\_\_\_ perkataan                                  berbaris mati ya' kerana bersambung  
dengan nun dan alif yang menunjukkan makna pelaku                                  )

- iii) Ia akan berbaris di hadapan apabila ia bersambung dengan huruf wau jamaat .

\_\_\_\_\_ perkataan                                  berbaris hadapan ba' kerana bersambung  
dengan wau jama:at

( Muhammad Ali Ibn 'Alla:n al-Siddi:qiyy, t.t : 11 )

b) **Kata Kerja Muda:ri'**

- i) KK muda:ri' akan berbaris **diatas** huruf akhirnya bila bersambung dengan nun taukid .

Contoh :

Maksudnya: *Kanak-kanak itu benar-benar akan pergi*

Huruf ba' berbaris di atas kerana ia bersambung dengan nun taukid .

- ii) KK muda:ri' akan berbaris **sukun** bila ia bersambung dengan nun niswat

Contoh :

Maksudnya : *Pemudi-pemudi itu mendengar nasihat .*

Huruf ‘ainnya berbaris sukun kerana ia bersambung dengan nun niswat .

- iii) KK muda:ri' akan berbaris hadapan ( dammat ) huruf akhirnya apabila ia bersambung dengan wau jama .

Contoh:

Huruf akhir KK muda:ri' akan berubah-ubah barisnya mengikut kedudukannya dalam sesuatu ayat jika ia bukan berada seperti dalam kedudukan di atas . ( Muhammad Aliyy Ibn ‘Alla:n al-Siddiqiyy, t.t :13, Azizah Fawwal Babti 1992, juz 2: 777&778 )

### c) **KK Amr**

- i) Huruf akhir KK amr akan berbaris **sukun** bila ia sahih akhir dan tidak bersambung dengan mana-mana huruf lain begitu juga kalau ia bersambung dengan nun niswat .

Contoh :

Maksudnya : *Berhati-hatilah dalam perjalanan kamu*

Perkataan \_\_\_\_\_ di matikan huruf lamnya kerana KK amr ini tidak bersambung dengan mana-mana huruf lain, begitu juga dalam contoh berikut :

Maksudnya : *Didiklah ( wahai kaum wanita ) anak-anak perempuan kamu .*

Huruf mimnya dimatikan kerana ia bersambung dengan nun niswat.

- ii) Huruf akhir KK amr akan berbaris di **atas** apabila ia bersambung dengan nun taukid .

Contoh : \_\_\_\_\_

Maksudnya : *Hendaklah kamu berkawan dengan orang yang baik .*

Huruf ba'dalam perkataan dibaris atas kerana ia bersambung dengan nun taukid .

- iii) **Huruf illah di buang** bila KK amr mu'tal akhir .

Contoh : \_\_\_\_\_

Maksudnya : *Campakkanlah jala itu .*

Huruf illah dibuang dalam kalimah dan asalnya ialah kerana ia dari jenis KK amr yang mu'tal akhir

- iv) **Huruf nun** tanda ' ' dan ' ' pada KK amr dibuang apabila ia bersambung dengan alif ithnain atau wau jamaah atau ya' mukhatabat .

Contoh : \_\_\_\_\_

Maksudnya : *Hendaklah kamu ( dua orang ) menghormati tetamu .*

Huruf nun di buang dalam kalimah kerana ia bersambung dengan alif yang menunjukkan makna dua ( ithnain ).

Contoh :

Maksudnya : Kumpulkanlah ( lelaki ramai ) barang-barang kamu .

Huruf nun di buang dalam kalimah kerana ia bersambung

dengan wau jama

Contoh lain :

Maksudnya : *Susunlah ( seorang perempuan ) pakaian kamu .*

Huruf nun di buang dalam kalimah kerana ia bersambung dengan ya',

kata gantinama kedua (perempuan ).

kerana ia bersambung dengan ya',

( Muhammad Aliyy Ibn ‘All:an al-Siddiqiyy, t.t : 12 dan Azizah Fawwal Babti 1992:765 )

### **2.2.2 Kategori Imbuhan dan makna**

Dari sudut bilangan huruf, KK ma:di terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu:

a ) Mujarrad ( tidak berimbuhan ) iaitu mana-mana KK yang mengandungi huruf asal,

tidak gugur darinya walaupun satu huruf apabila ditafsirkan kecuali huruf illah.

( Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad al- Hamla:wiyy,t.t: 29 )

Contoh: — —

b ) Mazid ( berimbuhan )iaitu mana-mana KK yang ditambah satu huruf

atau lebih daripada KK nya yang asal.( Al-Sheikh Mustafa al- ghala:yi:ni:,

1997: juz 3: 5 )

Contoh: esal ditambah alif

i) **KK ma:di mujarrad** dipecahkan kepada dua iaitu mujarrad thula:thiy( tiga huruf) dan mujarrad ruba:i' ( empat huruf ).

a: Mujarrad thulathiyy ada 3 wazan dan boleh dipecahkan kepada 6 wazan ketika KK muda:ri'. Wazan dari sudut istilah nahu bermaksud 'neraca' yang mengukur perkataan dengan lafaz yang telah dijadikan pengukur seperti wazan thula:thi: dengan perkataan dan ditambah huruf pada wazan supaya sama dengan perkataan yang diukur. Contoh :

(Azizah Fawwal Babti, 1992, juz 2: 1177).

Huruf awal KK ma:di: Iaitu huruf fa' dalam kalimah /fa/,/ a/la/ sentiasa berbaris atas (         ). Contoh : - - semua baris pada awal perkataan ini adalah di atas. Huruf ke dua pada KK ma:di Iaitu huruf ‘ain dalam kalimah /fa/,/a/la/ barisnya berubah-ubah (         ) bawah, atas dan hadapan. Contoh :

— —

Daripada KK ma:di ini, ianya akan mengeluarkan enam wazan ketika hendak dijadikan KK muda:ri':

i) Sekiranya ‘ain KK muda:ri’nya berbaris di atas ( ) maka boleh menjadi 3 bentuk :

1. contoh ( Dia menulis )

2. contoh ( Dia memaafkan )

3. contoh ( Dia mencari )

ii ) Apabila ‘ain nya berbaris di bawah maka KK muda:ri’ nya boleh menjadi 2 bentuk

1. contoh ( Dia sakit )

2. contoh ( Dia dahaga / haus )

iii ) Manakala jika ‘ain nya berbaris di hadapan KK muda:ri’ nya hanya ada satu bentuk sahaja .

1. contoh ( Dia elok )

Jadual 2.1: Penjelasan ‘ain KK ma:di dan wazan muda:ri’ .

Variasi KKK			Variasi bunyi lain KKL
✓	✓	✓	
	✓	✓	
✓			

b: Mujarrad ruba’iy pula mempunyai satu wazan sahaja iaitu /fa/,/la/la/  
berubah kepada yufa lilu ketika muda:ri’ nya.

Contoh : —

ii) **KK ma:di ma:zid** boleh ditambah dengan 10 huruf

iaitu : (                  )

Jadual 2.2: Contoh sepuluh wazan KK mazid yang utama:

Bil	Pola	Contoh
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		

Setiap wazan KK mazi:d berperanan membawa beberapa makna tambahan kepada makna dasar bagi sesuatu KK mujarrad. Setiap penambahan huruf dalam bahasa Arab ada fungsinya yang tersendiri, oleh kerana itu penulis cuba meringkaskan dan menggabungkan apa yang telah ditulis oleh Mustafa al- ghala:yi:ni:, (1997: juz 1: 218-220 ) dan Ahmad Al-Namma:s, (1988:145-172 ) di dalam buku mereka. Diantara wazan-wazan yang masybur jalah :

1.

Wazan ini boleh diinterpretasi kepada beberapa makna seperti berikut:

i) Transitif

Iaitu mengubah KK lazim ( tak transitif ) kepada KK muta addi (transitif )

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Saya membangunkan pesakit itu dari pembaringannya*

Perkataan berasal dari atas wazan kemudian ditukar kepada dan dibuang huruf illahnya kerana ia bersambung dengan ta: mutaharrikat (berbaris).

ii) Masuk

Iaitu memasuki tempat atau masa tertentu

Contoh:

Maksudnya: *Jadilah pada waktu pagi- lagi segala kekuasaan itu milik Allah*

bermaksud ' pagi ' tetapi bila huruf hamzah ditambah ke atasnya maknanya akan berubah 'berpagi'.

**2.**

- i) Kekerapan, halus, cermat, teliti, banyak dan sebagainya.

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Dia telah menutup rapat ( banyak )segala pintu*

Perkataan bermaksud tutup tetapi bila ditambah tashdi:d pada ain al fi 1 ( la:m ) maknanya berubah menjadi menutup dengan rapat dan banyak.

- ii) Transitif

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Ahli astronomi telah menentukan waktu-waktu sembahyang lima waktu*

Perkataan tanpa tashdi:d wau bermaksud 'berdiri' ( tak transitif ), maknanya berubah kepada ' menentukan ' ( transitif ) bila ditambah tashdi:d pada ain al fi il ( wau )

**3.**

- i) Penyalingan / tindak balas antara dua pihak

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Malaysia telah menyertai negara-negara barat dalam mengembangkan bidang perindustrian.*

Perkataan tanpa ali:f bermaksud 'berkongsi', maknanya berubah kepada 'menyertai' ( tindakbalas antara dua pihak ) bila ditambah ali:f

- ii) Kekerapan, halus, cermat, teliti, banyak dan sebagainya

Contohnya: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Saya telah menggandakan upah para pekerja yang rajin.*

Perkataan tanpa ali:f bermaksud 'ganda', maknanya berubah kepada 'berganda-ganda' ( dengan banyak ) bila ditambah ali:f

- iii) Transitif

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Saya telah meraikan para tetamu ketika lawatan mereka kerumah saya pada perayaan lepas.*

Perkataan tanpa ali:f bermaksud 'mulia' ( tak transitif ), maknanya berubah kepada 'meraikan/memuliakan' ( transitif ) selepas ditambah ali:f

#### 4.

- i) Kesalingan / tindak balas antara dua pihak

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Orang Islam dan orang kafir berselisih sepanjang masa.*

Perkataan tanpa ali:f dan ta: bermaksud 'selisih/gaduh', maknanya berubah kepada 'berselisih/bergaduh' ( tindak balas antara dua pihak ) bila ditambah ali:f dan ta:

- ii) Pura-pura.

Contohnya: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Dunia hari ini pura-pura tidak mengetahui tentang keadaan orang Islam di negara-negara mereka.*

Perkataan tanpa ali:f dan ta: bermaksud 'tidak mengetahui/jahil', maknanya berubah kepada 'pura-pura tidak tahu/jahil' selepas ditambah ali:f dan ta:

- iii) Beransur-ansur

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Sumber kekayaan negara kita telah semakin bertambah setelah mencapai kemerdekaan.*

Perkataan tanpa ali:f dan ta: bermaksud 'bertambah', maknanya berubah kepada 'semakin bertambah' apabila ditambah ali:f dan ta:

## 5.

- i) Natijah, kesan,hasil

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Saya telah menegur ( menasihat ) pengkhianat itu, lantas dia telah menjadi sopan.*

Perkataan      tanpa ta: dan tashdi:d bermaksud 'adab/sopan', maknanya berubah kepada ' menjadi bersopan' bila ditambah ta: dan tashdi:d

- ii)      Kesungguhan dan kecekalan

Contohnya: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Penyelidik yang rajin **amat teliti** pada perkara-perkara yang halus dan **sangat bersabar** dalam urusan tersebut.*

Perkataan      tanpa ta: dan tashdi:d bermaksud ' teliti/lihat', maknanya berubah kepada ' amat teliti' selepas ditambah ta: dan tashdi:d

- iii)      Memberitahu apa yang telah terjadi

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Perempuan itu **telah pun** berkahwin.*

Perkataan      tanpa ta: dan tashdi:d bermaksud 'kahwin', maknanya berubah kepada ' telah pun berkahwin' bila ditambah ta: dan tashdi:d

## 6.

- i )      Natijah, kesan,hasil

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Saya telah memecahkan cermin pintu itu, maka ia pun pecah.*

Perkataan tanpa hamzah dan nu:n bermaksud 'pecah', maknanya berubah kepada 'ia pun pecah' selepas ditambah hamzah dan nu:n.

7.

- i) Natijah, kesan, hasil

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Saya telah mengumpul kertas-kertas yang bertaburan itu, maka ia pun terkumpul.*

Perkataan tanpa hamzah dan ta: bermaksud 'mengumpul', maknanya berubah kepada 'terkumpul' selepas ditambah hamzah dan ta:

- ii ) Kesalingan / perkongsian

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Manusia berselisih melalui berbagai parti/puak.*

Perkataan tanpa hamzah dan ta: bermaksud 'selisih', maknanya berubah kepada 'berselisih' ( kesalingan) selepas ditambah hamzah dan ta:

- iii) Menjadikan sesuatu

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Jadikanlah Maqam Ibrahim a.s. itu sebagai tempat sembahyang kamu.*

Perkataan tanpa hamzah dan ta: bermaksud 'ambil', maknanya berubah kepada 'menjadikan' selepas ditambah hamzah dan ta:

- iv) Berlebihan / melampau / bersungguh-sungguh.

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Jiwa manusia itu akan bahagia jika ia berlaku bersederhana dan akan menderita apabila ia bertindak melampau.*

Perkataan tanpa ali:f dan ta: bermaksud 'usaha', maknanya berubah kepada 'berusaha bersungguh-sungguh' selepas ditambah ali:f dan ta:

## 8.

- i) Minta

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Zaid telah memohon keampunan daripada Allah*

Perkataan tanpa ali:f, si:n dan ta: bermaksud 'mengampun', maknanya berubah kepada 'mohon ampun' selepas ditambah ali:f, si:n dan ta:

- ii) Berusaha untuk...

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Perbandingan amalan orang yang munafik adalah seperti orang berusaha untuk menyalaikan api...*

Perkataan tanpa ali:f, si:n dan ta: bermaksud ' nyala', maknanya berubah kepada ' berusaha untuk menyalakan' selepas ditambah ali:f, si:n dan ta:

iii) Kesebatian / keserasian

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Apabila mereka sudah berputus asa daripada perkara tersebut, mereka pun berlepas tangan begitu sahaja.*

Perkataan tanpa ali:f, si:n dan ta: bermaksud ' kecewa/putus asa', maknanya berubah kepada ' berputus asa' ( sikap putus asa yang serasi ) selepas ditambah ali:f, si:n dan ta:

iv) Menjadikan

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya: *Berbudilah kepada manusia, nanti kamu dapat melentur hati mereka # lama sudah telah terbukti manusia tewas kepada budi.*

Perkataan tanpa hamzah, si:n dan ta: bermaksud ' hamba', maknanya berubah kepada ' menjadikan hamba/digunakan' selepas ditambah ali:f, si:n dan ta:

### 2.2.3 Kategori Penggunaan Huruf ‘illah.

Huruf illah ada tiga huruf, iaitu ( ). Huruf-huruf ini juga dinamakan 'li:n dan mad'

KK di lihat dari sudut adanya huruf illah atau tidak, boleh di bahagikan kepada dua:

( Fuad Ni'mat, 1973: 63, Ahmad al- Hamla:wiyy t.t : 27,28 dan 29 )

- i) KK sahih (perkataan asalnya tiada huruf illah )
- ii) KK mu'tal ( perkataan asalnya ada huruf illah )

**KK sahih** terbahagi kepada sa:lim, muda'af dan mahmu:z.

- a) Sa:lim maknanya ialah huruf asalnya tidak mengandungi huruf illah, hamzah dan tad'if.

Contoh:

- b) Muda af ialah apabila huruf lam dan ‘ainnya dari huruf yang sama.

Contoh :

- c) Mahmu:z pula bermaksud apabila salah satu dari huruf asalnya hamzah .

Contoh:

**KK mu'tal** pula terbahagi kepada mithal, ajwaf, na:qis, lafif mafru:q dan maqrū:n .

- a) Mithal ialah huruf fa’ nya huruf illah

Contoh:

- b) Ajwaf ialah huruf ‘ain nya huruf illah

Contoh:

- c) Na:qis ialah huruf lam nya huruf illah

Contoh:

- d) Lafif mafru:q ialah huruf fa' dan lam nya huruf illah

Contoh:

- e) Lafif maqrū:n ialah huruf 'ain dan huruf lamnya huruf illah

Contoh:

#### **2.2.4 Kategori Objek**

Menurut Al-Imam Abi Muhammad Abdullah Jamaluddin Ibnu Yusof, ( t,t: jld. 2: 175-178 ), Abdul Aziz 'Ali Sa:lih Ridwan ( 1981: juz 2, 78-83 ) KK terbahagi kepada 3 bahagian bila di lihat dari sudut keperluan kepada objek :

i ) Yang tidak bersifat muta'addi dan la:zim. Ia adalah :

ii ) Al-muta'addi ( transitif ). Ianya mempunyai dua tanda.

a ) Apabila ia boleh bersambung dengan dengan ha:' dami:r yang bukan masdar

Contohnya : \_\_\_\_\_

b ) Apabila boleh dibina daripadanya ism maf'u:l ta:m

Contohnya: Perkataan \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_ —

Perkataan \_\_\_\_\_ ialah fi'il ma:di muta'addi yang bersambung dengan ha:'

dam'i:r yang bukan masdar dan darinya boleh dibina ism maf'u:l ta:m iaitu

**Hukum** nya ialah ditaris atas maf'u:l bih - objek .

Contoh:

Melainkan apabila ia menggantikan tempat fa:'il

Contoh:

iii ) Al-la:zim ( tak transitif ). Ianya mempunyai 12 tanda ( alamat ). Abdul Aziz 'Aliy Sa:lih Ridwan ( 1981: juz 2, 78-83 )

a ) Tidak bersambung dengan ha:' da:mir yang bukan masdar.

Contoh:

Salah ayatnya kalau

Ayat yang betul ialah

b ) Tidak boleh dibina darinya ism maf'u:l ta:m

Contoh:

Salah ayatnya kalau )

Ayat yang betul ialah )

c ) Menunjukkan tabiat atau tingkah laku

Contoh: ( berani )

d ) Menunjukkan ' pamer' 'arad )

Contoh: ( sakit )

e ) Menunjukkan kebersihan

Contoh: ( suci )

f ) Menunjukkan kekotoran ( )

Contoh: ( najis)

g) Menunjukkan kesan pembuatnya kepada pembuat kata kerja yang berhajat kepada satu objek

Contoh: ( Saya pecahkannya dan ia pun pecah )

h) Apabila sewazan dengan

Contoh:

i) Atau yang serupa dengannya

Contoh:

j) Apabila sewazan dengan

Contoh:

k) Atau yang serupa dengannya ( dengan ditambah salah satu dari lamnya )

Contoh:

- 1) Atau atas wazan

## Contoh:

**Hukum KK** la:zim pula ialah memerlukan partikel jar ( genetif )

Contoh:

( saya rasa hairan dengannya )

( saya melintasinya )

( saya marah kepadanya )

KK la:zim juga boleh dibahagikan kepada tiga jenis. ( Abdul Aziz Ali Sa:lih Ridwan, 1981: juz 2,84 )



Contoh: -

- ii) La:zim Berkala , iaitu KK yang muta'addi kepada satu objek tetapi biasanya dibuang objeknya pada beberapa keadaan.

Contoh:

iii) La:zim Ganti iaitu yang menjadikan KK kepada kata sifat dengan tujuan memuji atau mencela.

Contoh:

### **2.2.5. Kategori Ja:mid Dan Mutasarrif**

Mengikut ( Aiman Amin Abdul Ghani t.t : 49 dan Fuad Ni'mat , 1973: 83 & 84 ) pula, mereka telah membahagikan KK kepada dua bahagian.( Dari aspek boleh di tasrif atau tidak )- **Ja:mid** dan **Mutasarrif**.

i) KK ja:mid ialah KK yang boleh di bina dalam satu jenis sahaja dari tiga KK yang menunjukkan masa . Ianya di bahagikan kepada dua jenis iaitu :

a) Tetap ma:di :

b) Tetap amr : dengan makna

ii) KK mutasarrif pula ialah KK yang boleh bertukar bentuk mengikut keadaan masa iaitu ma:di , muda:ri' dan amr .:

KK mutasarrif ini boleh di bahagikan kepada ta:m dan na:qis :

KK ta:m ialah yang boleh dibina dalam ke tiga- tiga bentuk KK :

KK na:qis pula ialah yang boleh dibina dalam dua bentuk KK sahaja seperti ma:di dan muda:ri' Contoh: -

atau muda:ri' dan amr Contoh : -

## **2.3 Ciri-ciri Kata Kerja Bahasa Arab.**

Setiap KK mempunyai ciri-ciri atau tanda yang membezakan antara satu sama lain.

### **2.3.1. Kata Kerja Ma:di .**

Ia mempunyai 2 tanda. ( Al- Imam Abi Muhammad Abdullah Jamaluddin Ibnu Yusof ( t,t ) : 22, Al-Sayyid Ahmad Al-Ha:shimiyy 1998: 14 )

- i) Ta:' ta'nith berbaris sukun di akhirnya . Contohnya:

—

- ii) Ta:' berbaris yang menjadi pelaku. Contohnya:

—

Kedua-dua jenis ta:' ini bukanlah satu kelaziman yang mutlak untuk mengenali KK ma:di. Bahkan ia juga boleh diketahui dengan cara penerimaanya dengan huruf ta:' .

Contohnya ialah:

—

Sa:fara adalah KK ma:di walaupun tidak ada salah satu huruf ta' kerana dia boleh nenerima salah satu dari huruf ta:' .

Contoh :

—

### **2.3.2. Kata Kerja Muda:ri'.**

Menurut Mohammad Muhyiddin Abdul Hamid (1989: 10, 11 ), KK muda:ri' boleh dikenali apabila didahului dengan sama ada membezakan antara ism, fi'il dan huruf.

• Ianya

i) Penggunaan “ ” pada KK muda:ri' memberi dua dimensi makna iaitu:.

a) Taqlil

Contoh:

—

( *Kadang-kadang sahaja penipu itu bercakap benar* )

b) Taksir (

Contoh:

—

( *Kebiasaannya orang yang bertakwa itu melakukan kebaikan* )

Namun begitu qad ) juga boleh di guna untuk KK ma:di, maknanya boleh dibahagi kepada dua:

a) Tahqiq iaitu mengesahkan.

Contoh: Firman Allah S.W.T.

—

( *Sesungguhnya telah berjayaalah orang-orang mukmin* )

- b) Taqrib (تقریب) iaitu dekat.

Contoh:

(*Telah hampir tenggelam matahari*)

- ii) Penggunaan partikel ‘saufa ‘ (فوس) dan partikel ‘s’ (س) hanya boleh masuk pada KK muda:ri’ sahaja. Kedua-duanya menunjukkan makna akan datang, bezanya ialah menunjukkan peristiwa yang hampir berlaku.

Contoh: Firman Allah S.W.T.

—

Maksudnya: (*Akan berkata orang-orang yang bodoh di kalangan manusia* - terus berkata.)

—

Maksudnya: (*Kami akan bakar mereka dalam api neraka* - akhirat kelak)

- iii) Boleh menerima perkataan (Al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy 1998: 14 )

Contoh:

—

‘لَمْ‘ juga di kenali sebagai partikel jusif.

### 2.3.3. Kata Kerja Amr.

Ahmad al- Hamla:wiyy, t.t: 25) dan Mohammad Muhyiddin Abdul Ha:mid, 1989: 11 ) menyatakan, KK amr boleh diketahui dengan adanya salah satu dari dua tanda berikut serta maknanya yang bermaksud minta.

- i) Nun Taukid

Contoh:

Maksudnya: *Saya benar-benar akan pukul kamu wahai lelaki*

- ii) Ya' Mukhatabat ‘

Contoh: \_\_\_\_\_ Maksudnya: *(bangunlah ) untuk perempuan*

#### **2.4 Menukar Kata Kerja Ma:di Kepada Kata Kerja Muda:ri'**

Cara untuk menukarkan KK ma:di kepada KK mud:ari' ialah dengan menambahkan salah satu dari huruf-huruf muda:raat yang empat: ( Al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy, 1998:17, Azizah Fawwal Babti 1992, juz:2: 777 ) yang terkandung dalam :

(                          ).

- i) Huruf **hamzah** boleh diletakkan pada awal KK untuk ganti nama pertama tunggal

Contoh: \_\_\_\_\_ ( *Saya duduk* ).

- ii) Huruf **nun** boleh diletakkan pada awal KK ganti nama pertama jama' dengan tujuan membesarakan dirinya atau bersamanya ada orang lain .

Contoh : \_\_\_\_\_ ( *Kami duduk* )

iii) Huruf **ta:**' pula boleh diletakkan pada KK mukha:tab sama ada :

a) Lelaki tunggal ( )

Contoh : \_ (*Awak lelaki berdiri*).

b) Perempuan tunggal

Contoh : \_ (*Awak perempuan berdiri*)

c) Lelaki/perempuan duaan (

Contoh : \_ (*Kamu dua lelaki atau dua perempuan berdiri*).

d) Lelaki jamak

Contoh : \_ (*Kamu ramai lelaki berdiri*)

e) Perempuan Jamak

Contoh : \_ (*Kamu ramai perempuan berdiri*).

( Muhammad Mahyuddin Abdul Ha:mid, t.t : 87, Muhammad Ali Ibn 'Alla:n al-Siddiqiy , t.t: 14 )

iv) Huruf **ya'** pula berada pada awal KK untuk pelaku berikut :

a) Lelaki tunggal

Contoh : \_ (*Dia seorang lelaki berdiri*)

b) Lelaki duaan

Contoh :            \_ ( Dia dua orang lelaki berdiri )

c)      Lelaki ramai


Contoh :            \_ ( Dia ramai lelaki berdiri )

d)      Perempuan ramai


Contoh :            \_ ( Dia ramai perempuan berdiri )

Sekiranya didapati KK yang ada salah satu daripada huruf-huruf muda:ra'at tetapi ianya tidak menunjukkan kepada kata ganti nama atau ganti nama kedua atau ganti nama ketiga seperti maka ia adalah KK ma:di dan bukannya KK muda:ri'.


( Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, t.t : 88 )




Carta 2.1: Perubahan KK Madi Sa:hih Setelah Penggunaan Huruf Muda:ra'at.



Carta 2.2: Perubahan KK Ma:di Mithal Setelah Penggunaan Huruf Muda:ra'at.



Carta 2.3: Perubahan KK Ma:di Ajwaf Setelah Penggunaan Huruf Muda:ra'at.



Carta 2.4: Perubahan KK Ma:di Na:qis Setelah Penggunaan Huruf Muda:ra'at.

Empat carta di atas menunjukkan penggantian dan perubahan bacaan pada KK ma:di bila dimasukkan kepadanya huruf-huruf muda:ra'at. KK tersebut ada yang terbina dari struktur KK sa:hih ( Carta 1 ), KK mu'tal mithal ‘wau ‘ ( Carta 2 ), KK mu'tal ajwaf ‘ alif ‘( Carta 3 ) dan KK mu'tal na:qis ya:' ( Carta 4 ).

## 2.5 KK Lima ( )

KK lima ialah setiap KK muda:ri' yang bersambung dengan huruf alif isnain atau wau jamak, atau atau ya:' mukha:tabat . ( Muhammad Ali Ibn 'Alla:n al-Siddiqi, t.t : 15 )

Contoh :

KK yang lima mempunyai kaedah ( hukum nahunya ) yang berbeza dengan kata kerja yang lain, iaitu:

- i) Tanda rafa' fi'l 'lima' ialah ada nun di akhir nya .

Contoh : \_\_\_\_\_

Maksudnya : Kanak-kanak pergi ke sekolah

- ii) Tanda nasb fi'l muda:ri' buang nun ( pada KK yang lima ) .

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya : *Kamu tidak akan sekali-kali ( dua lelaki ) tinggal pembelajaran ( buang nun kerana' KK yang lima' )*

Perkataan \_\_\_\_\_ asalnya adalah \_\_\_\_\_ .

- ii) Tanda jazm fi'il muda:ri' ialah buang nun (pada KK yang lima).

Contoh: \_\_\_\_\_

Maksudnya : *Jangan kamu ( seorang perempuan ) tinggal pembelajaran di sekolah ( buang nun kerana KK ' lima ' )*

Perkataan \_\_\_\_\_ asalnya adalah \_\_\_\_\_ .

( bukan KK lima )	( KK lima )	( Tempatnya )

Jadual 2.3 ; Jadual menunjukkan perbezaan ‘irab KK ‘lima’ dengan KK yang lain

## 2.6. Stuktur Kata Kerja Muda:ri'

KK ma:di boleh ditukar kepada KK muda:ri’ dengan cara menambahkan salah satu dari huruf- huruf muda:ri’ (        ).

Sekiranya ma:dinya tiga huruf maka diberi tanda bacaan huruf muda:ra’at ,dimatikan fa:’ fi 1 serta diberi tanda bacaan hadapangan ‘ainnya .

Contoh : —

Ataupun di matikan fa:’ nya dan diberi tanda bacaan ‘ainnya .

Contoh : —

Ataupun di matikan fa:’ dan diberi tanda bacaan ‘ainnya .

Contoh : —

Apabila KK ma:di bukan tiga huruf dan dimulai dengan ta:' za:idah, KK muda:ri' kekal tak berubah barisnya selepas ditambah huruf muda:ra'at .

Contoh :

Apabila KK ma:di dimulai dengan huruf hamzah ( yang bukan tiga huruf ), dibuang huruf hamzah dan diganti dengan huruf muda:ra'ah .

Contoh :

Apabila KK ma:di empat huruf maka ditaris hadapan huruf muda:ra'atnya

Contoh :

( Aiman Amin Abdul Ghani, t.t : 50, Al-Sayyid Ahmad Al-Ha:shimiyy 1998: 17 & 18 )

## 2.7. Struktur Kata Kerja Amr

KK amr dibina dari KK muda:ri' dengan membuang huruf muda:ra atnya

Contoh : akan menjadi

Apabila selepas huruf muda:ra'at terdapat baris sukun, maka huruf muda:ra'atnya boleh ditukar kepada hamzah wasl iaitu ketika tiga huruf atau atau lima huruf atau enam huruf.

Contoh : - - ( Tiga huruf )

- - ( Lima huruf )

- - ( Enam huruf )

Hamzah wasl ini akan sentiasa berbaris di bawah melainkan apabila 'ain muda:ri'nya berbaris hadapan, maka hamzahnya juga akan berbaris hadapan bagi memudahkan sebutan

Contoh : — —

atau ia juga boleh ditukar kepada hamzah qat' maftu:hat pada KK muda:ri' yang empat huruf yang sukun barisnya selepas huruf muda:ra'at .

Contoh : — —

( Azizah Fawwal Babti, 1992:juz 2: 764 )

## 2.8 Baris ‘Ain Muda:ri’

‘Ain KK muda:ri’ boleh baris atas, hadapan dan bawah. KK ma:di yang baris atas ‘ain kias muda:ri’ ialah dengan dommah kan ‘ain ( ) dan kasrah ‘ain ( ). Penggunaan ‘ain dommah lebih banyak jika dibandingkan dengan kasrah ‘ain pada sesetengah bab.

*Abu Zaid al Ansari* dipetik dari buku ( Mustafha Ahmad Al-Namma:s( Dr ) ( 1988:101 ) menyatakan bahawa kedua-duanya adalah kias ( nominatif dan genetif ‘ain ). Penggunaannya adalah sama, namun penggunaan nominatif lebih dominan. ( Dr. Mustafha Ahmad al-Namma:s, 1988: 101 )

Kata Abu al fathi Ibnu Jini dalam kitabnya Al Khasais, dipetik dari buku ( Mustafha Ahmad al-Namma:s ( Dr )( 1988:101) dammah ‘ain lebih qias dari kasrah ‘ain .

Contoh : ( - ) lebih qias dari ( — ).

Manakala kasrah ‘ain lebih qias dari dammahnya pada muta’addi .

Contoh: ( — ) lebih qias dari ( — )

Berikut adalah jenis-jenis atau kaedah yang telah digariskan oleh Ahmad al-Namma:s ( Dr ) ( 1988:103 – 125), sebagai panduan untuk membaca ‘ain KK muda:ri’.

**Jenis 1 :** ( — — — )

( Mustafha Ahmad al-Namma:s ( Dr ) ( 1988:103,104,105& 106 )

Kebanyakan KK muda:ri’ akan di baris dammah bila ia :

- a) KK ajwaf wau cont: ( — — — )
- b) KK na:qis wau : ( — — — )
- c) KK muda'af muta'addi ( — — — )
- d) KK untuk menunjukkan kemenangan  
( — — — )

**Jenis 2 :** ( — — )

( Mustafha Ahmad al-Namma:s 1988: 107,108 &111 )

- a) Ajwaf ya’ contoh : ( — — )
- b) Naqis ya’ ( — — — )
- c) Misal wau dan ya’( — — — )
- d) Muda'af la:zim ( — — — )

**Jenis 3 :** ( — — — )

Lazimnya apabila ‘ain ( huruf kedua ) dan lamnya( huruf ketiga ) huruf halqi( Dr. Mustafha Ahmad al-Namma:s 1988:118 & 122 ). Sebab di baris atas ‘ain KK ma:di dan muda:ri’nya kerana huruf-huruf halqi keluar daripada bawah (hujung halkum ). Huruf halqi berat disebut, sementara baris dammah dan kasrah pula terangkat tinggi disudut yang lain dari mulut. Oleh kerana perbezaan makhraj huruf yang jauh maka baris atas lebih sesuai bagi menyeimbangkan sebutan yang berat ini. Ibnu Sidah telah berkata dalam bukunya Al-mukhassas jld14 ms 206 ‘sesungguhnya baris atas itu datangnya daripada alif dan alif dari halqi’.

**Jenis 4:** ( — — )

KK muda:ri’ yang termasuk dalam bab ini ialah apabila ianya menunjukkan:

a) Makna warna seperti — —

b) Memberi maksud perasaan:

Contoh: — —

c) Bermaksud kesusahan.

Contoh : — —

d) Atau keaiban dan tingkah laku yang luar.

Contoh ; — — —

*Jenis 5:* ( — )

KK muda:ri' yang menunjukkan makna sifat-sifat kelakuan manusia yang sebatи dengannya dan yang menunjukkan makna perasaan dan tabiat manusia ( Dr. Mustafha Ahmad al-Namma:s 1988: 123 ), seperti :

Contoh : ( — )

*Jenis 6* ( — — — )

Tidak di dapati melainkan dalam beberapa KK yang sa:hih ( Dr. Mustafha Ahmad al-Namma:s, 1988: 124 ).

Ianya kurang di dapati dalam KK sa:hih dan banyak ditemui dalam KK mu'tal .

contoh — — .

Berikut adalah jadual ( 2.4 ) penjelasan perbezaan makna KK berdasarkan jenis-jenis KK di atas:

.Wazan	Fungsi	Contoh
	Kebiasanya menunjukkan makna himpun, pisah, beri, tegah, halang, siksa, menang, bela, ubah, kekal, gerak, tutup, buang, lontar, bunyi	—
	Kebiasanya menunjukkan makna penyakit, warna dan ciri ketika lazim. Ia lebih banyak berbentuk lazim daripada muata'adi.	
	Kebanyakkan makna yang berkenaan dengan tabiat semulajadi seperti baik, buruk, tinggi rendah panjang pendek, mulia lembut, mulia lembut, bersih bodoh.	

( Sumber: Mohd Rosdi Bin Ismail, 2000: 18 ).

## 2.9. Penutup

Melalui pemerhatian kepada ta arif, pembahagian kata kerja, kata kerja yang lima, tanda-tanda kata kerja, dan pembahagian kata kerja dari sudut sahih dan mu tal, ja:mid dan mutasarrif beserta contoh-contoh yang telah dimuatkan dalam bab ini, membuktikan kata kerja adalah satu topik yang amat penting dalam pembelajaran nahu

bahasa Arab. Tanpa pemerhatian daripada pelajar dan penekanan pendidik kepada pelajar-pelajar, sudah tentu penguasaan pelajar dalam kata kerja bahasa Arab tidak mencapai tahap objektif pembelajaran yang sebenar.